

13/03/2002

Lans Koperal, bapa rentung dalam nahas

BATU PAHAT, Selasa - Seorang anggota polis berpangkat Lans Koperal, Muhammad Saidon, 55, dan bapanya, Saidon Yatim, 80 dikenal pasti dua mangsa yang rentung dalam kemalangan jalan raya di Kilometer 12, Jalan Yong Peng-Muar, petang semalam.

Jurucakap polis berkata, identiti anggota polis yang bertugas di Balai Polis Ayer Hitam, dekat sini, itu dikesan berdasarkan nombor casis dan enjin kereta Proton Iswara yang terbabit dalam kemalangan berkenaan.

"Anggota keluarga mangsa terus dihubungi serta dimaklumkan mengenai kejadian itu sejurus memperolehi maklumat berdasarkan nombor casis dan enjin kenderaan berkenaan," katanya di sini, hari ini.

Dalam nahas pada kira-kira jam 3 petang semalam, kereta dinaiki kedua-dua mangsa remuk dan terbakar dalam gaung, selepas bertembung dengan sebuah lori tanah di tempat kejadian.

Ketika kejadian, kereta terbabit dalam perjalanan dari Muar menuju Yong Peng, manakala lori tanah berkenaan datang dari arah bertentangan.

Pemandu lori tanah terbabit yang cedera parah kini dirawat di Hospital Batu Pahat (HBP).

Sementara itu, anak perempuan mangsa, Halipah Halizan, 23, ketika ditemui di HBP berkata, Allahyarham dan datuknya dalam perjalanan pulang ke kuarters polis di Air Hitam, apabila terbabit dalam kemalangan berkenaan.

"Kedua-dua mereka baru pulang dari melawat adik saya, Mahathir, 19, yang sedang dirawat di Hospital Muar (HM), selepas terbabit dalam kemalangan jalan raya beberapa hari lalu," katanya.

Ketika kejadian, beliau bersama ibunya, Azizah Jalis, 53, berada di HM dan mengetahui mengenai nahas yang menimpa bapa serta datuknya itu kira-kira jam 11.30 malam.

"Saya mendapat tahu mengenai tragedi menyayat hati itu selepas dihubungi anggota polis dari Balai Polis Ayer Hitam," katanya.

Halipah berkata, bapanya yang akan bersara pada 22 Mei akan datang, pernah menyatakan hasrat untuk menyambung perkhidmatannya dalam pasukan polis selama setahun lagi.

Beliau berkata, jenazah datuknya dikebumikan di kampung asalnya di Kanchong, Rembau, Negeri Sembilan, manakala jenazah bapanya di kampung ibunya di Jorak, Muar.

(END)